



JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

TEKS KHUTBAH

Tajuk :

“MENYINGKAP RAHSIA TAUBAT”

Tarikh Dibaca :

**11 RABI’ULAKHIR 1442H/
27 NOVEMBER 2020M**

Disediakan oleh :

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia



“MENYINGKAP RAHSIA TAUBAT”

11 RABI'ULAKHIR 1442H / 27 NOVEMBER 2020

إِنَّ الْحَمْدَ لِلَّهِ، نَحْمَدُهُ وَنُسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ وَنَتُوبُ إِلَيْهِ، وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شَرِّورِ أَنفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا، مَنْ يَهْدِ اللَّهُ فَهُوَ الْمُهْتَدِ وَمَنْ يُضْلِلُ فَلَنْ تَجِدَ لَهُ وَلِيًّا مُرْشِدًا۔
أَشْهُدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَاهُ بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ۔
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيُّكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ۔ قَالَ تَعَالَى: أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ ﴿٢٣﴾ وَمَا كَانَ اللَّهُ لِيُعَذِّبَهُمْ وَأَنَّتِ فِيهِمْ وَمَا كَانَ اللَّهُ مُعَذِّبَهُمْ وَهُمْ يَسْتَغْفِرُونَ ﴿٢٣﴾

Sidang Jemaah yang dirahmati Allah,

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Khutbah pada hari ini bertajuk “Menyingkap Rahsia Taubat”.

Sidang Jemaah yang dirahmati Allah,

Kita beriman bahawa Allah SWT jualah yang memiliki kekuasaan atas tiap-tiap makhluk-Nya. Kita beriman bahawa Allah SWT merupakan tempat untuk kita memohon pertolongan dan bantuan. Kita juga sedar bahawa kita hamba yang sangat lemah

walaupun Allah SWT menciptakan manusia dengan sebaik-baik penciptaan-Nya. Kita juga beriman bahawa sesuatu yang berlaku berdasarkan qadha' dan qadar Allah SWT sebagaimana firman-Nya:

﴿مَا أَصَابَ مِنْ مُّصِيبَةٍ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي أَنفُسِكُمْ إِلَّا فِي كِتَابٍ مِّنْ قَبْلِ أَنْ تَنْهَىَهَا﴾

﴿إِنَّ ذَلِكَ عَلَى اللَّهِ يَسِيرٌ﴾ ٢٢

Maksudnya: “Tidak ada sesuatu kesusahan (atau bala bencana) yang ditimpakan di bumi, dan tidak juga yang menimpa diri kamu, melainkan telah sedia ada dalam Kitab (pengetahuan Kami) sebelum Kami menjadikannya. Sesungguhnya mengadakan yang demikian itu adalah mudah bagi Allah”. (**Surah al-Hadid ayat 22**)

Begini juga dengan situasi yang berlaku pada hari ini. Sebagai umat yang beriman, kita seharusnya menghadapi musibah yang berlaku ini dengan sabar dan redha. Dalam pada kita menuruti segala nasihat dan panduan yang telah dikeluarkan oleh pihak berkuasa, kita juga dituntut untuk meningkatkan taubat dan munajat kepada Allah SWT. Allah SWT berfirman:

﴿وَإِنْ يَمْسِكَ اللَّهُ بِضُرِّكَ فَلَا كَاشِفَ لَهُ إِلَّا هُوَ وَإِنْ يَمْسِكَ بِخَيْرٍ فَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ﴾

﴿قَدِيرٌ﴾ ١٧

Maksudnya: “Dan jika Allah menimpakan sesuatu kemudaran kepadamu, maka tidak ada yang menghilangkannya melainkan Dia sendiri. Dan jika Dia mendatangkan kebaikan kepada mu, maka Dia Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu”. (**Surah al-An'am ayat 17**)

Dalam menghadapi sebarang bentuk ujian, Islam telah menggariskan beberapa panduan untuk kita menghadapinya. Allah SWT berfirman dalam Surah al-Anfal ayat 33 yang dibacakan pada awal khutbah tadi yang bermaksud:

“Dan Allah tidak sekali-kali akan menyeksa mereka, sedang engkau (wahai Muhammad) ada di antara mereka; dan Allah tidak akan menyeksa mereka yang sedang mereka beristighfar (meminta ampun)”.

Faham dari ayat ini bahawa Allah SWT mengajar kita untuk sentiasa bertaubat dan sentiasa beristighfar. Ingatlah bahawa Allah SWT tidak akan menyeksa hamba-Nya yang sentiasa bertaubat dan beristighfar.

Selain itu, dalam Surah Hud ayat 3 Allah SWT berfirman:

﴿ وَإِنْ أَسْتَغْفِرُوا رَبَّكُمْ ثُمَّ تُوبُوا إِلَيْهِ يُمْنَعُكُم مَّنْعًا حَسَنًا إِلَى أَجَلٍ مُّسَمٍّ وَيُؤْتَ كُلَّ ذِي فَضْلٍ ﴾

﴿ فَضْلَهُ، وَإِنْ تَوَلُّوا فَإِنِّي أَخَافُ عَلَيْكُمْ عَذَابَ يَوْمٍ كَبِيرٍ ﴾

Maksudnya: “Dan hendaklah kamu meminta ampun kepada Tuhan kamu (dari perbuatan syirik), kemudian hendaklah kamu rujuk kembali taat kepada-Nya; supaya Dia memberi kamu nikmat kesenangan hidup yang baik (di dunia) hingga ke suatu masa yang tertentu, dan (di akhirat pula) Dia akan memberi kepada tiap-tiap seorang yang mempunyai kelebihan (dalam sebarang amal yang soleh) akan pahala kelebihannya itu; dan jika kamu berpaling (membelakangkan tiga perkara itu), maka sesungguhnya aku bimbang kamu akan beroleh azab hari kiamat yang besar (huru-haranya)”.

Sidang Jemaah yang dirahmati Allah,

Kita sepatutnya menguatkan lagi hubungan kita dengan Allah SWT. Kita mestilah terus bermunajat kepada Allah SWT dengan bersungguh-sungguh dan berusaha menghindarkan diri dari berterusan melakukan maksiat. Dalam pada itu juga, kita hendaklah terus melaksanakan *amar ma'ruf* (menyuruh melakukan kebaikan) dan *nahy munkar* (mencegah kemungkaran).

Kita juga hendaklah sentiasa membanyakkan berdoa kepada Allah SWT sama ada dalam keadaan senang atau dalam kesusahan. Rasulullah SAW bersabda dalam sebuah hadis:

مِنْ سَرَهُ أَنْ يَسْتَجِيبَ اللَّهُ لَهُ عِنْدَ الشَّدَائِدِ وَالْكَرْبِ فَلَيُكْثِرُ الدُّعَاءَ فِي الرَّخَاءِ

Mafhumnya: “Sesiapa yang suka Allah makbulkan permohonannya ketika dalam kesukaran dan kepayahan, maka hendaklah dia membanyakkan doa pada masa senang”. (**Hadis riwayat al-Tirmidzi dan al-Hakim**)

Ketahuilah bahawa bertaubat dari dosa-dosa sama ada dosa besar atau dosa kecil merupakan tuntutan syarak dan tidak boleh ditangguh. Berterusan atas dosa-dosa kecil pula akan mengekorinya dosa-dosa besar. Segeralah bertaubat sekiranya kita berdosa walaupun melakukan dosa kecil.

Sidang Jemaah yang dirahmati Allah,

Sesungguhnya, tidak ada penyakit yang tiada ubatnya melainkan tua dan mati. Allah SWT juga telah menciptakan penawar bagi setiap penyakit. Rasulullah SAW memerintahkan kepada kita untuk berikhtiar mencari penawarnya sebagaimana yang disebut oleh Rasulullah SAW:

إِنَّ اللَّهَ حَيْثُ خَلَقَ الدَّاءَ، خَلَقَ الدَّوَاءَ، فَتَدَاوُوا

Mafhumnya: “Sesungguhnya Allah ketika menciptakan penyakit, diciptakan juga penawar. Maka berubatlah kamu”. (**Hadis riwayat Imam Ahmad**)

Kepada para petugas barisan hadapan, tetaplah tabah, sabar dan ikhlas dalam perjuangan ini. Semoga Allah SWT membalas segala jasa dan pengorbanan para petugas barisan hadapan dengan sebaik-baik balasan di dunia dan akhirat. Kita perlu saling bekerjasama untuk mencegah penularan jangkitan wabak. Antara umara', ulama, petugas barisan hadapan, peniaga, orang-orang kaya, agensi kerajaan mahupun swasta sehingga kepadanya rakyat seluruhnya, semuanya berperanan dalam usaha ini.

Justeru, sekali lagi saya ingin menyeru kepada semua umat Islam untuk sama-sama kita terus bermunajat, bertaubat dengan memperbanyakkan istighfar, sentiasa menuruti nasihat dan arahan dari pihak pemerintah dan bersabarlah dalam menghadapi musibah ini. Hindarilah persengketaan dan perbalahan yang sia-sia yang tidak mendatangkan apa-apa manfaat. Mohonlah ampun dan berdoalah kepada Allah SWT agar Allah menghilangkan segera wabak ini dan dengan itu kita dapat melaksanakan segala syiar Islam dengan sempurna. Seberapa banyak dan besar dosa kita sekalipun, teruslah bertaubat memohon ampun kepada Allah SWT kerana Dia adalah Tuhan yang Maha Pengampun dan Maha Menerima taubat hamba-Nya. Mudah-mudahan dengan bertaubat, Allah SWT mengabulkan permintaan kita semua. Insya-Allah.

Firman Allah SWT:

﴿فَقُلْتُ أَسْتَغْفِرُهُ رَبَّكُمْ إِنَّهُ كَانَ غَفَارًا ﴾١٠ ﴿ يُرْسِلِ السَّمَاءَ عَلَيْكُمْ مَدْرَارًا ﴾١١ وَيُمْدِدُكُمْ ﴾

﴿ بِأَمْوَالٍ وَبَنِينَ وَيَجْعَلُ لَكُمْ جَنَّاتٍ وَيَجْعَلُ لَكُمْ أَنْهَارًا ﴾١٢

Maksudnya: “Sehingga aku berkata (kepada mereka): “Mohonlah ampun kepada Tuhan kamu, sesungguhnya adalah Dia Maha Pengampun. (Sekiranya kamu berbuat demikian), Dia akan menghantarkan hujan lebat mencurah-curah, kepada kamu; Dan Dia akan memberi kepada kamu dengan banyaknya harta kekayaan serta anak-pinak; dan Dia akan mengadakan bagi kamu kebun-kebun tanaman, serta mengadakan bagi kamu sungai-sungai (yang mengalir di dalamnya)”. (**Surah Nuh ayat 10-12**)

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفْعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ، وَتَقْبَلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاقُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ

الْعَظِيمُ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدِنَ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى أَهْلِهِ
وَاصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقْتَاهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمْرَكُمْ
بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى ﴿إِنَّ اللَّهَ وَمَلَئِكَتَهُ يُصَلِّونَ عَلَى
النَّبِيِّ يَتَآمِيَهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلَوَاتُهُمْ وَسَلَامُهُمْ تَسْلِيمًا﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أَلِّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى
أَلِّ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أَلِّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا
إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى أَلِّ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُحِيدٌ.

وَارْضُ اللَّهُمَّ عَنِ الْخَلْفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنِ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنِ التَّابِعِينَ وَتَابِعِيِ
الْتَّابِعِينَ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضُ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.

اللَّهُمَّ أَيْدِي بِدَوَامَ التَّوْفِيقِ وَالْهِدَايَةِ وَالصِّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ مَلَكَنَا كِبَاوَهُ دُولِي يَعْ مَهَا مُولِيَا سَرِي ڦُدوُك بِكِينِدا يَعْ دَفْرَتوانَ اَكْوُغُ، السُّلْطَانُ عَبْدُ اللَّهِ رِعَايَةُ الدِّينِ الْمُصْطَفَى بِاللَّهِ شَاهِ اَبْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانِ حَاجِ اَحْمَدِ شَاهِ الْمُسْتَعِينِ بِاللَّهِ.

وَكَذِلِكَ كِبَاوَهُ دُولِي يَعْ مَهَا مُولِيَا سَرِي ڦُدوُك بِكِينِدا رَاجِ فَرْمَايِسُورِي اَكْوُغُ، تُونِکُو (Tunku) حَاجِه عَزِيزَةُ اَمِينَةُ مِيمُونَةُ إِسْكَنْدَرِيَّةُ بِنْتِ الْمَرْحُومِ الْمُتَوَكِّلِ عَلَى اللَّهِ سُلْطَانِ إِسْكَنْدَرِ الْحَاجِ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوَزَّاعَهُ وَقُضاَتَهُ وَعَمَالَهُ وَرَعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمَنَاتِ بِرَحْمَتِكَ يَا اَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيْزِيَا آمِنَاً مُطْمَئِنًا، سَخَاءَ رَخَاءَ، دَارَ عَدْلٍ وَإِيمَانٍ، وَآمِنٍ وَآمَانٍ، وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.

اللَّهُمَّ اعْزِزِ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِرْ اَعْدَاءَكَ اَعْدَاءَ الدِّينِ وَانْصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ، وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمَحْنَ وَالْفَتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ، مَنْ بَلَدَنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمَنْ بَلَدَنَ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ. اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجَنُونِ، وَالْجُذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ، يَا اَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

Ya Allah! Dengan sifat-Mu Yang Maha Pemurah dan Maha Mendengar! Engkaulah Yang Maha Berkuasa atas tiap-tiap makhluk. Justeru, kami hamba-Mu yang lemah merayu kepada-Mu agar Engkau angkat dan hilangkan segera wabak penyakit Covid-19 yang sedang melanda kami agar dapat kami melaksanakan syiar-Mu dengan sempurna. Hanya kepada Engkau ya Allah! Tempat kami merintih dan bermunajat.

Ya Allah! Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua Ya Allah, tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتَانَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ، ﴿٩٠﴾ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَإِلَيْهِ الْحَسَنَاتِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَاتِ وَيَنْهَا عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾
فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدُّكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.